

26 MAY 2002

Pemuda-Pope

PERTEMUAN PM-POPE JOHN PAUL BUKA LEMBARAN BARU HUBUNGAN ISLAM-KRISTIAN

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menyifatkan pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin tertinggi Katolik Pope John Paul II sebagai membuka lembaran baru persefahaman antara umat Islam dan Kristian seluruh dunia.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein berkata undangan Pope John Paul kepada Perdana Menteri itu satu pengiktirafan tinggi terhadap pemimpin Malaysia itu yang juga merupakan pemimpin negara-negara Islam yang sederhana.

"Pemuda yakin pertemuan mereka amat penting khususnya dalam usaha kita meletakkan imej Islam ke tahap yang dihormati oleh masyarakat dunia," katanya.

Untuk berbuat demikian, kata Hishammuddin, Malaysia wajar melakukan apa sahaja untuk mendapatkan sokongan termasuk berbincang dengan pemimpin tertinggi Kristian itu.

Dr Mahathir memberitahu pemberita di Putrajaya hari ini bahawa beliau bersetuju menerima undangan itu.

Perdana Menteri tidak pula menyatakan tarikh pertemuan berkenaan tetapi ia dijangka diadakan di Vatican City bulan depan sempena lawatan beliau ke Switzerland dan Luxembourg.

Hishammuddin berkata pertemuan itu merupakan peluang untuk menjelaskan pendirian dunia Islam terhadap keganasan dan kekejaman rejim Israel terhadap rakyat Palestin.

Menurutnya, isu Palestin bukan sahaja membabitkan penduduk Islam tetapi juga warga Palestin yang beragama Kristian.

"Pertemuan ini menjadi peluang terbaik bagi kedua-dua pemimpin untuk berbincang bagi menentang kekejaman Israel," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAM ZB